

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (J) 6-2014

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan pada 12 Oktober 1998. Perayu telah menjalankan perniagaan mengimport *luggage bag* secara borong dari negara China. Perayu telah mengimport *luggage bag* dalam bentuk satu unit pelbagai saiz. Sebagai contoh satu unit yang mengandungi tiga *luggage bag* bersaiz 20", 24", 28" dan satu unit yang mengandungi lima *luggage bag* bersaiz 24", 26", 28", 30", 32". Perayu kemudiannya menjual *luggage bag* tersebut juga secara satu unit iaitu dengan satu harga untuk ketiga-tiga buah beg atau kelima-lima buah beg.
2. Dalam tempoh 25 Mac 2008 hingga 20 Ogos 2009, Perayu telah membuat 129 pengimportan *luggage bag* dari tiga pembekal di negara China. Bagi setiap Borang Kastam No. 1, Perayu telah ikrar harga barangan berdasarkan harga dalam invoice yang dikeluarkan oleh pembekal atau pengeksport setelah mengambil kira nilai tukaran mata wang semasa. Walau bagaimanapun pegawai penaksir telah menolak harga yang diikrar oleh Perayu dan membuat penaikkan (*uplift*) harga. Sebagai contoh dalam Borang Kastam No. 1 - B10105003018, Perayu telah ikrar RM24.15594 sebagai "nilai seunit" bagi tiga buah beg bersaiz 20", 24", 28" tetapi pegawai penaksir telah menaikkan harga kepada RM60.00 seunit berdasarkan harga panduan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Putrajaya.
3. Jumlah cukai jualan yang perlu dibayar telah ditetapkan berdasarkan Nilai Kastam yang dinaikkan oleh pegawai penaksir. Perayu tidak bersetuju dengan Nilai Kastam yang ditetapkan oleh pegawai penaksir dan telah membuat bayaran cukai jualan berkenaan secara bantahan di bawah seksyen 13A Akta Kastam

1967. Di dalam setiap 129 keping Borang Kastam No. 1, notis berbunyi “Dibayar secara bantahan” atau “*Pay under protest*” telah dicatat.

4. Mengikut seksyen 13B Akta Kastam 1967, pegawai yang hak (pegawai penaksir) dikehendaki merujuk apa-apa soalan berhubung dengan penilaian barangan kepada Ketua Pengarah Kastam (KPK) dalam masa 30 hari untuk KPK membuat keputusan. Peraturan JKDM ialah apabila ada bayaran secara bantahan dibuat, pegawai penaksir hendaklah menyediakan satu laporan penilaian mengikut format yang telah ditetapkan.
5. Cawangan Pengurusan Penilaian, JKDM, Putrajaya telah menyediakan satu laporan bertajuk “Format Penilaian Bagi Kes Permohonan Bayaran Duti Secara Bantahan Di Bawah Seksyen 13B Akta Kastam 1967” bertarikh 28 Julai 2009. Di para 2 dalam laporan dinyatakan “Nilai Transaksi diterima tanpa pelarasan”. Di Bahagian D dalam laporan yang sama, Dato’ Mohamad bin Jaafar bagi pihak Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, Putrajaya telah membuat syor kepada KPK seperti berikut:
  - i. Unit Auditan Pasca Import, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membuat auditan ke atas syarikat Topper Paper Products (M) Sdn. Bhd. dan mengesahkan harga yang diikrar iaitu RM24.15 per set bagi “*luggage bag*” walaupun harga panduan Ibu Pejabat RM60.00.
  - ii. Berdasarkan fakta ini saya syorkan nilai RM24.15 diterima sebagai harga dibayar dan kena dibayar selaras dengan peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.
6. Seperti yang ditunjukkan di Bahagian F dalam laporan di atas, KPK bersetuju dengan syor Dato’ Mohamad bin Jaafar sepertimana catatan bertarikh 11 Ogos 2009 yang berbunyi “Syor di para D(ii) dipersetujui”.

7. Berpandukan kepada keputusan KPK itu, pada 21 Ogos 2009 Dato' Mohamad bin Jaafar telah mengeluarkan surat (P4) bertajuk "Keputusan Bayaran Duti/Cukai Secara Bantahan Di Bawah Seksyen 13B, Akta Kastam 1967 Syarikat Topper Paper Products (M) Sdn. Bhd." yang berbunyi:

Para. 2 – Kes bayaran duti secara bantahan oleh syarikat di atas telah dirujuk kepada Ketua Pengarah Kastam selaras dengan peruntukan seksyen 13B Akta Kastam 1967, Ketua Pengarah Kastam telah memutuskan bahawa harga ikrar bagi dagangan Luggage Bag yang diimport oleh syarikat melalui borang ikrar No. 1 No. B10105003018 bertarikh 03.05.2008 dan borang ikrar No. 1 B10104038586 bertarikh 28.04.2008 diterima sebagai Nilai Kastam

Para. 3 – Keputusan ini boleh digunapakai ke atas pengikraran seterusnya yang dibuat mengikut kontrak jual beli syarikat dengan pembekal dan bagi dagangan yang sama.

8. Berpandukan keputusan KPK di atas, Perayu telah menghantar surat bertarikh 19 Disember 2009 bertajuk "Tuntutan Balik Bawah Seksyen 16 Akta Kastam 1967 dan Seksyen 32 Akta Cukai Jualan 1972" kepada Pengarah Kastam Negeri, JKDM, Selangor memohon pulang balik cukai jualan. Jumlah tuntutan bagi 129 Borang Kastam No. 1 adalah sebanyak RM296,105.95.
9. Melalui surat (P8) bertarikh 26 Oktober 2010, Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM, Selangor memaklumkan kepada Perayu bahawa tuntutan pulang balik cukai jualan hanya diluluskan untuk dua Borang Kastam No. 1 yang disebut dalam surat (P4) bertarikh 21 Ogos 2009. Manakala tuntutan pulang balik bagi 127 Borang Kastam No. 1 adalah ditolak atas alasan "Ibu Pejabat memutuskan dokumen kontrak yang dikemukakan bukan merupakan dokumen kontrak kerana ia tidak memenuhi elemen-elemen penting dalam undang-undang kontrak iaitu tawaran, penerimaan, niat, balasan, ketentuan dan keupayaan".

10. Perayu tidak setuju dengan keputusan di atas dan telah kemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah Kastam, JKDM, Bahagian Perkhidmatan Teknik, Cawangan Perakaunan Hasil, Putrajaya. Melalui surat (P9) bertarikh 28 Mac 2011 yang ditandatangani oleh Datin Sharifah Halimah binti Tuanku Taha bagi pihak KPK bertajuk “Keputusan Bayaran Duti/Cukai Secara Bantahan Di Bawah Seksyen 13B Akta Kastam 1967”, Perayu dimaklumkan bahawa skop pemakaian keputusan KPK di dalam surat (P4) bertarikh 21 Ogos 2009 adalah seperti berikut:

Para 2 – Dimaklumkan bahawa keputusan harga yang diterima sebagai Nilai Kastam bagi kes di atas adalah berdasarkan kepada Kaedah Transaksi di bawah peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999 iaitu **khusus bagi pengimportan** yang telah dibuat melalui Borang Ikrar Kastam 1 No. B10105003018 bertarikh 3 Mei 2008 dan B10104034586 bertarikh 28 April 2008 sahaja.

Para 3 – Sehubungan itu, **para 3 surat di atas adalah dibatalkan** dan pihak tuan adalah dinasihatkan untuk melengkapkan Borang Pematuhan Penilaian Barang Import beserta dengan dokumen sokongan dan kembalikan ke pejabat ini dengan segera dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini bagi membolehkan kami membuat kajian selanjutnya.

11. Perayu telah mematuhi arahan di para 3 dalam surat di atas dengan mengemukakan Borang Pematuhan Penilaian Barangan Import dan pelbagai dokumen berkaitan kepada JKDM, Putrajaya.
12. Melalui surat (P18) bertarikh 14 Julai 2011 Cawangan Pengurusan Penilaian, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, Putrajaya memaklumkan Perayu bahawa

“Semakan ke atas dokumen serta maklumat yang dikemukakan melalui borang di atas mendapati terdapat keraguan ke atas maklumat yang diberikan. Sehubungan itu, Kaedah Nilai Transaksi tidak dapat digunakan bagi menentukan nilai kastam dan permohonan Bayaran Duti Secara Bantahan ke atas beberapa pengimportan bagi *Luggage Bag* daripada China tidak dapat dipertimbangkan”.

13. Melalui surat kepada KPK bertarikh 5 Februari 2014, konsultan yang mewakili Perayu telah merayu supaya permohonan pulang balik cukai jualan untuk 127 pengimportan tersebut diluluskan. Melalui surat (P17) bertarikh 8 Mei 2014 yang ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM, Putrajaya bagi pihak KPK, Perayu dimaklumkan permohonan ditolak.
14. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan KPK dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 6 Jun 2014. Perayu memohon remedi berikut:
  - i. Keputusan KPK melalui surat (P4) bertarikh 21 Ogos 2009 dikekalkan dan dipatuhi.
  - ii. Keputusan Bahagian Teknik bertarikh 8 Mei 2014 diketepikan kerana tidak relevan dan tidak boleh *override the decision made by the Customs Director General vide decision on 21 August 2009*.
15. Satu pendengaran penuh telah diadakan. Semasa pendengaran Perayu telah kemukakan sebanyak 128 keping Borang Kastam No. 1 sebagai ekshibit iaitu termasuk dua Borang Kastam No. 1 yang telah diluluskan permohonan pulang balik oleh Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM, Selangor. Oleh itu rayuan ini melibatkan 126 Borang Kastam No. 1 yang nilai tuntutan pulang balik cukai jualan adalah sebanyak RM291,553.58.

## ISU

1. Sama ada keputusan Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM, Selangor melalui surat (P8) itu betul.
2. Sama ada keputusan KPK di dalam surat (P4) telah dibatalkan oleh surat (P9).
3. Apakah status keputusan KPK di dalam surat (P17) bertarikh 8 Mei 2014.
4. Apakah Nilai Kastam bagi 127 Borang Kastam No. 1 berkaitan.

(Perayu berhujah perkataan kontrak jual beli di para 3 surat (P4) bukan merujuk kepada satu dokumen kontrak rasmi. Invois pembekal/pengeksporth yang Perayu kemukakan adalah termasuk dalam kategori kontrak jual beli. Oleh itu keputusan dalam surat (P8) adalah salah. Mengenai surat (P9), Perayu berhujah bahawa surat (P9) bukan keputusan KPK kerana Datin Sharifah Halimah binti Tuanku Taha yang menandatangani surat (P9) tidak pernah merujuk atau mendapatkan kelulusan KPK sebelum surat (P9) dikeluarkan kepada Perayu. Perayu berhujah, berdasarkan seksyen 3(3) dan 13B Akta Kastam 1967, keputusan atas persoalan penilaian hendaklah diputuskan sendiri oleh KPK. Justeru itu para 3 dalam surat (P4) tidak terbatal. Mengenai surat (P17), Perayu berhujah keputusan tersebut cacat kerana semasa KPK menolak rayuan Perayu, KPK tidak menetapkan apa-apa Nilai Kastam. Menurut Perayu, apabila KPK menolak harga yang diikrar dalam 127 Borang Kastam No. 1 terlibat, KPK sepatutnya menetapkan Nilai Kastam berasaskan kaedah penilaian yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999.

Responden berhujah keputusan dalam surat (P8) adalah betul kerana dokumen yang Perayu kemukakan iaitu sekeping surat yang dikeluarkan oleh pembekal atau pengesport tidak diiktiraf sebagai dokumen kontrak jual beli. Mengenai surat (P9), rujukan atau kelulusan kepada KPK tidak perlu dibuat kerana para 3

dalam surat (P4) bukan keputusan KPK atas alasan perkara tersebut tiada dalam syor Dato' Mohamad bin Jaafar kepada KPK. Oleh itu keputusan KPK dalam surat (P4) hanya terpakai untuk dua Borang Kastam No. 1 yang disebut dalam surat (P4) sahaja. Merujuk keputusan KPK dalam surat (P17), Responden berhujah keputusan itu tidak cacat berdasarkan pemakaian seksyen 13(2) Akta Kastam 1967. Oleh itu Nilai Kastam yang ditetapkan oleh pegawai penaksir terpakai)

## KEPUTUSAN

1. Merujuk isu pertama, Tribunal memutuskan Cawangan Perakaunan Hasil, JKDM, Selangor terkhilaf semasa membuat keputusan dalam surat (P8). Dalam BusinessDictionary.com perkataan *contract of sale*/kontrak jual beli didefinisikan sebagai "*Formal contract by which a seller agrees to sell and a buyer agrees to buy, under certain terms and conditions spelled out in writing in the document signed by both parties. **An invoice, for example, is a contract of sale. Also called agreement of sale, contract of sale, sale agreement, or sale contract.***" Berdasarkan definisi ini adalah jelas perkataan "kontrak jual beli" dalam surat (P4) bukan hanya merujuk kepada dokumen kontrak jual beli yang rasmi tetapi juga terpakai kepada inouis pembekal atau pengeksport yang telah dikemukakan oleh Perayu.
2. Merujuk isu kedua, Tribunal memutuskan keputusan KPK dalam surat (P4) tidak boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan berdasarkan seksyen 3(3) dan 13B Akta Kastam 1967 yang memperuntukkan keputusan atas persoalan penilaian di bawah seksyen 13B Akta Kastam 1967 hendaklah diputuskan sendiri oleh KPK. Secara **alternatif** Tribunal memutuskan keputusan KPK yang dibuat di bawah seksyen 13B Akta Kastam 1967 boleh dipinda, diubahsuai atau dibatalkan dengan syarat KPK sendiri telah memberi persetujuan bertulis atas cadangan

pindaan, ubahsuaian atau pembatalan tersebut. Oleh itu para 3 dalam surat (P4) adalah kekal dan tidak terbatal.

3. Merujuk isu ketiga, Tribunal memutuskan keputusan KPK dalam surat (P17) adalah cacat. Kegagalan KPK menetapkan Nilai Kastam dalam surat (P17) yang melibatkan 127 Borang Kastam No. 1 telah melanggar seksyen 13B Akta Kastam 1967. Nilai Kastam hendaklah ditetapkan kerana KPK sedang melaksanakan tanggungjawab statutori. Kegagalan tersebut membawa *inferens* bahawa keputusan KPK dicapai tanpa asas undang-undang seperti yang ditetapkan dalam peraturan 3(2) Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999. Responden tidak boleh bergantung kepada anggapan undang-undang dalam seksyen 13(2) Akta Kastam 1967 kerana Perayu telah berjaya mematahkan anggapan tersebut melalui keterangan pegawai penaksir bahawa mereka telah *uplift* harga berdasarkan harga panduan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat, JKDM, Putrajaya dan mereka sendiri tidak tahu bagaimana Ibu Pejabat, JKDM, Putrajaya menetapkan harga yang menjadi pertikaian.
4. Merujuk isu keempat, Tribunal memutuskan berdasarkan peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kastam (Kaedah Penilaian) 1999, kaedah nilai urus niaga iaitu harga yang dibayar atau kena dibayar (berdasarkan invoice) adalah Nilai Kastam bagi barang-barang yang diimport dalam rayuan ini. Tribunal menerima pakai keputusan *Customs, Excise and Gold Tribunal - Delhi* dalam kes *M.A. Export v. Collector of Customs* [1995] 77 ELT 321, yang memutuskan nilai urus niaga hanya boleh ditolak jika terdapat alasan yang kukuh.
5. Keputusan KPK di dalam surat (P17) bertarikh 8 Mei 2014 diketepikan. Pulang balik dibenarkan untuk 126 keping Borang Kastam No. 1 yang telah dikemukakan sebagai ekshibit berjumlah RM291,553.58.

24 September 2014